

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	27 November 2015

PM lawat UTC Pudu, perbaharui sijil lahir

KUALA LUMPUR 26 Nov. - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berurusan dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan meluangkan masa melawat pusat perkhidmatan, UTC Pudu di sini.

Perdana Menteri berurusan dengan JPN di kompleks berkenaan bagi menggantikan sijil lahirnya.

Malah, beliau berpuas hati kerana urusan menggantikan sijil lahir di pejabat JPN siap dalam masa kurang daripada 30 minit.

"Ramai juga di sini untuk urusan masing-masing. Saya rasa yang paling muda adalah bayi berumur 20 hari ini, Nur Izzatul yang juga datang untuk dapatkan sijil lahir," katanya menerusi akaun Facebook miliknya, Najib Razak di sini hari ini.

Sepanjang berada di kompleks tersebut, Perdana Menteri juga menunggu giliran panggilan kaunter sama seperti warga kota yang lain.

Malah, Perdana Menteri tidak kekok dan tidak segan untuk duduk di bangku bersama-sama dengan pengunjung lain di pejabat JPN.

"Baru sahaja tiba di UTC Pudu untuk urusan di Jabatan Pendaftaran Negara dan memeriksa perkhidmatan sedia ada di sini," katanya.

Perdana Menteri juga sempat berbual-bual dengan para peniaga di medan selera kompleks itu.

Menurut mereka, pelanggan di UTC Pudu kurang pada waktu ini berikutan pemindahan terminal bas Pudu selain perkhidmatan kerajaan yang disediakan di UTC amat pantas

dan cekap sehinggakan orang ramai tidak perlu menunggu lama untuk giliran mereka.

Dalam lawatan itu, Perdana Menteri turut melihat kemudahan pusat sukan untuk golongan remaja di bawah kelolaan Kementerian Belia dan Sukan.

"Ada perlawanan futsal persahabatan tadi dan saya sempat berbual dengan mereka. Hampir setiap minggu mereka bermain di sini kerana kelengkapan yang bagus dan sewa gelanggang yang berpatutan," ujarnya.

Setakat pukul 5 petang, status yang dimuat naik Perdana Menteri mendapat lebih 6,000 likes dan dikongsi lebih 180 pengguna Facebook.

Um - 27/11/2015